

## TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

### BAHAGIAN A

[30 Markah]

Ilustrasi dan pendapat di bawah menunjukkan kepentingan sambutan Hari Bumi sebagai tanda penghargaan dan kesedaran terhadap alam sekitar.

Sebagai setiausaha Kelab Alam Sekitar di sekolah anda, tulis **sepucuk surat** kepada pengetua sekolah untuk memohon kebenaran mengadakan Program Sambutan Hari Bumi dan berikan kepentingan program tersebut terhadap murid sekolah.

Panjangnya surat anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

#### BAHAN 1

Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar pada setiap tahun telah terlibat dalam penganjuran program-program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan Hari Bumi sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap alam sekitar.

Sumber: Internet

#### BAHAN 2



**HARI Bumi** DISAMBUT PADA **22 APRIL** SETIAP TAHUN

IA MENANDAKAN ULANG TAHUN KELAHIRAN BAGI GERAKAN ALAM SEKITAR MODEN PADA 1970

Tema 2019  
**"Lindungi Spesies Kita"**

Objektif: Menghargai bumi dan meningkatkan kesedaran untuk melindungi bumi dan alam sekitar

Julang kali disambut: **1970**

Hari Bumi telah mencapai status sebagai sambutan sekular terbesar di dunia, diraikan lebih daripada satu bilion orang setiap tahun, dan hari bagi mengubah tingkah laku manusia

Hari Bumi kini disambut dengan menganjurkan program di lebih **193 BUAH NEGARA** yang diselaraskan oleh Rangkaian Hari Bumi

Sumber: [www.earthday.org](http://www.earthday.org) Infografik: Bernama

#### BAHAN 3



## KARANGAN CONTOH PERINGKAT CEMERLANG

Kelab Alam Sekitar,  
SMK Dato Darwis,  
Jalan Abdul Samad,  
80100 Johor Bahru.

---

Pengetua,  
SMK Dato Darwis,  
Jalan Abdul Samad,  
80100 Johor Bahru.

1 APRIL 2021

Tuan,

### **Permohonan Kebenaran Penganjuran Program Sambutan Hari Bumi**

Merujuk perkara di atas, Kelab Alam Sekitar SMK Dato Darwis berhasrat untuk mengadakan Program Sambutan Hari Bumi peringkat SMK Dato Darwis pada 22 April 2021. Program ini telah diterima sebulat suara dalam mesyuarat ahli jawatankuasa Kelab Alam Sekitar.

2. Untuk makluman pihak tuan, program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga sekolah untuk melindungi bumi. Hal ini dikatakan demikian kerana masalah pencemaran alam sekitar seakan-akan tidak menemukan titik noktah. Oleh itu, Kelab Alam Sekitar berharap agar usaha kecil ini mampu menyemai semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan warga SMK Dato Darwis pada peringkat awal.

3. Berdasarkan keputusan mesyuarat, kami telah sebulat suara untuk melaksanakan program 10 minit tanpa elektrik serentak di 193 buah negara tepat jam 10.00 pagi. Aktiviti ini sebagai tanda sokongan kepada penggunaan teknologi hijau. Selain itu, pertandingan kraf tangan daripada bahan terbuang dan pertandingan video bertemakan alam sekitar turut diadakan. Usaha ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap amalan kitar semula dan mengasah kreativiti murid.

4. Program Sambutan Hari Bumi ini juga telah mendapat tajaan daripada Jabatan Alam Sekitar. Tajaan ini dapat melancarkan perjalanan program. Oleh itu, besarlah harapan kami agar tuan dapat meluluskan program ini pada tarikh tersebut.

Akhir kata, kami berharap agar permohonan ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

*Harun*

Setiausaha Kelab Alam Sekitar  
SMK Dato Darwis Johor Bahru

**199 patah perkataan**

## KARANGAN CONTOH PERINGKAT KEPUJIAN

Kelab Alam Sekitar,  
SMK Dato Darwis,  
Jalan Abdul Samad,  
80100 Johor Bahru.

---

Pengetua,  
SMK Dato Darwis,  
Jalan Abdul Samad,  
80100 Johor Bahru.

1 APRIL 2021

Tuan,

### **Permohonan Kebenaran Penganjuran Program Sambutan Hari Bumi**

Merujuk perkara di atas, Kelab Alam Sekitar SMK Dato Darwis berhasrat untuk mengadakan Program Sambutan Hari Bumi peringkat SMK Dato Darwis pada 22 April 2021.

2. Untuk makluman pihak tuan, program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga sekolah untuk melindungi bumi. Hal ini dikatakan demikian kerana masalah pencemaran alam sekitar kerap berlaku. Aktiviti ini dapat menyemai semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan warga SMK Dato Darwis pada peringkat awal.

3. Program yang akan dilaksanakan ialah program 10 minit tanpa elektrik serentak di 193 buah negara tepat jam 10.00 pagi. Aktiviti ini sebagai tanda sokongan kepada penggunaan teknologi hijau. Selain itu, pertandingan video bertemakan alam sekitar turut diadakan. Usaha ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap amalan kitar semula dan mengasah kreativiti murid.

4. Program Sambutan Hari Bumi ini juga telah mendapat tajaan daripada Kilang Kitar Semula Wei Sing. Tajaan ini dapat melancarkan perjalanan program. Oleh itu, besarlah harapan kami agar tuan dapat meluluskan program ini pada tarikh tersebut.

Akhir kata, kami berharap agar permohonan ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

*Harun*

Setiausaha Kelab Alam Sekitar  
SMK Dato Darwis Johor Bahru

**167 patah perkataan**

## KARANGAN CONTOH PERINGKAT MEMUASKAN

Kelab Alam Sekitar,  
SMK Dato Darwis,  
Jalan Abdul Samad,  
80100 Johor Bahru.

---

Pengetua,  
SMK Dato Darwis,  
Jalan Abdul Samad,  
80100 Johor Bahru.

1 APRIL 2021

Tuan,

### **Permohonan Kebenaran Penganjuran Program Sambutan Hari Bumi**

Merujuk perkara di atas, Kelab Alam Sekitar SMK Dato Darwis akan mengadakan Program Sambutan Hari Bumi peringkat SMK Dato Darwis pada 22 April 2021.

2. Program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga sekolah untuk melindungi bumi kerana masalah pencemaran alam sekitar selalu berlaku. Aktiviti ini dapat memupuk semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan warga SMK Dato Darwis..

3. Program yang akan dilaksanakan ialah program 10 minit tanpa elektrik serentak di 193 buah negara tepat jam 10.00 pagi. Aktiviti ini sebagai tanda sokongan kepada penggunaan teknologi hijau. Selain itu, pertandingan video bertemakan alam sekitar turut diadakan. Usaha ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap amalan kitar semula dan mengasah kreativiti murid.

4. Program Sambutan Hari Bumi ini juga telah mendapat tajaan daripada Jabatan Alam Sekitar. Untuk melancarkan program. Oleh itu, kami berharap agar tuan dapat meluluskan program ini.

Akhir kata, kami berharap agar permohonan ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

*Harun*

Setiausaha Kelab Alam Sekitar  
SMK Dato Darwis Johor Bahru

**147 patah perkataan**